

21

**SOALAN NO: 17**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL  
GHAPUR BIN SALLEH  
KAWASAN : KALABAKAN  
TARIKH : 27 MAC 2018, SELASA**

**SOALAN:**

**YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN SALLEH** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bolehkah Kementerian memberitahu Dewan berapa panjangkah jalan Pan Borneo yang hendak dibina di Sabah dan berapa panjangnya yang sudah siap dibina dan kos keseluruhan jalan tersebut di Sabah.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Fasa 1 Projek Lebuhraya Pan Borneo di Negeri Sabah terdiri daripada 35 pakej kerja yang melibatkan laluan Sindumin – Beaufort – Kota Kinabalu – Tuaran – Kudat; dan juga laluan Ranau – Telupid – Lahad Datu – Tawau dengan anggaran jarak keseluruhan 706 km. Sehingga Februari 2018, 17 pakej kerja di pelbagai peringkat proses tender di mana 5 daripadanya telah giat dalam pembinaan yang telah bermula pada pertengahan tahun 2016 secara berperingkat, manakala 2 lagi pakej kerja dalam persiapan terakhir untuk memulakan kerja-kerja pembinaan. Baki 18 pakej kerja kini di peringkat penilaian teknikal dan kos. Seperti yang sedia maklum, peruntukan bagi kos pembinaan yang telah diluluskan setakat ini untuk pelaksanaan Fasa 1 projek adalah sebanyak RM12.86 bilion.

Sekian, terima kasih.